

**PENSKORAN PEPERIKSAAN PERCUBAAN SPM**  
**BAHASA MELAYU (1103/1)**  
**DAERAH TANGKAK 2025**

PERINGKAT	BAHAGIAN A	PERINGKAT	BAHAGIAN B
<b>Cemerlang</b>  <b>28 -30</b> <b>26 -27</b>	T – Menepati tugasan I – Relevan, huraian jelas dan matang. B- Gramatis dari segi kata dan ayat, kosa kata luas dan tepat. P- Menarik dan berkesan	<b>Cemerlang</b>  <b>68 -70</b> <b>64 -67</b>	T – Menjawab tugasan I – Relevan, huraian jelas dan matang, contoh yang sesuai B – Gramatis dari segi kata dan ayat. Kosa kata luas dan tepat P – Sangat menarik dan berkesan.
<b>Kepujian</b>  <b>23 -25</b> <b>20 -22</b>	T – Menepati tugasan I – Relevan, huraian jelas B- Gramatis dari segi kata dan ayat. Kosa kata luas dan tepat. P - menarik	<b>Kepujian</b>  <b>59 - 63</b> <b>55 -58</b>	T – Menjawab tugasan I – Relevan, huraian jelas dan contoh sesuai. B – Ayat gramatis dari segi kata dan ayat. Kosa kata luas dan tepat P – Menarik dan berkesan.
		<b>Baik</b>  <b>50 - 54</b> <b>45 -49</b>	T – Masih menjawab tugasan I – Masih relevan, huraian masih jelas, contoh sesuai. B – Gramatis dari segi kata dan ayat tetapi ada kesalahan yang minimum, kosa kata umum P – Masih menarik.
<b>Memuaskan</b>  <b>17 - 19</b> <b>15 - 16</b>	T – Menepati tugasan I – Masih relevan, Huraian masih jelas B -Masih gramatis dari segi kata dan ayat. Kosa kata terhad. P- masih menarik	<b>Memuaskan</b>  <b>40 -44</b> <b>35 - 39</b>	T – Masih menjawab tugasan I – Masih relevan, huraian kurang jelas, contoh kurang sesuai. B – Kurang gramatis, kosa kata umum dan terhad. P – kurang menarik
<b>Penguasaan Minimum</b>  <b>12 -14</b> <b>10 -11</b>	T – Kurang menepati tugasan I – Kurang relevan, huraian kurang jelas B –Kurang gramatis dari	<b>Penguasaan Minimum</b>  <b>28 -34</b> <b>21 - 27</b>	T- Kurang menjawab tugasan I – Masih relevan, huraian tidak jelas dan tidak berkembang. Contoh tidak sesuai.

	<p>segi kata dan ayat. Kosa kata terhad. Kesalahan ejaan yang ketara. P- kurang menarik</p>		<p>B- Tidak gramatis tetapi masih boleh difahami. P- Tidak menarik</p>
--	---	--	--

**Bahagian A**  
**[30 markah]**  
**[Masa dicadangkan : 30 minit]**


*Soalan ini mesti dijawab.*

*Grafik di bawah menunjukkan maklumat berkaitan sungai.  
Berdasarkan maklumat tersebut, huraikan pendapat anda tentang sungai di negara kita.  
Panjangnya huraian anda hendaklah antara 150 hingga 200 patah perkataan.*




**Sungai membekalkan sumber AIR**

Source: https://www.sinarharian.com.my/articles/68933/BERITA/Nasional/Johor-antara-migas-dilapang-banyak-sungai-tercemar



**KEMENTERIAN  
SUMBER ASLI DAN  
KELESTARIAN ALAM**

# HABITAT HIDUPAN KITA



**JohorKini**  
**SUNGAI TERCEMAR DI  
JOHOR**

\*Sumber: https://www.sinarharian.com.my/articles/68933/BERITA/Nasional/Johor-antara-migas-dilapang-banyak-sungai-tercemar

**Join telegram @exercise\_students**

**SKEMA JAWAPAN****BAHAGIAN A :****Kehendak Soalan:** *Pendapat tentang kepentingan sungai*

1. Murid perlu menghuraikan kepentingan sungai
2. Murid perlu menyentuh semua bahan sama ada sebagai idea utama, atau idea sampingan atau sebagai contoh.
3. Sekiranya murid menyentuh semua bahan dan menambah idea lain berkaitan kepentingan sungai - **Tanda Seperti Biasa**
4. Sekiranya murid tidak menyentuh semua bahan - **Maksimum Kepujian**
5. Jika murid menulis lebih daripada 210 patah perkataan atau hingga ayat terakhir – **Maksimum Kepujian**
6. Jika murid menulis kurang daripada 140 patah perkataan – **Maksimum Memuaskan**

**CADANGAN ISI (2 isi dihuraikan)**

- Habitat hidupan air
- Sumber air bersih

**Join telegram @exercise\_students**

**Bahagian B**  
[70 markah]  
[Masa dicadangkan : 1 jam 30 minit]

*Bahagian ini mengandungi empat soalan. Jawab satu soalan.*

*Tulis sebuah karangan yang panjangnya antara 350 hingga 500 patah perkataan.*

1. Permainan tradisional dapat ditakrifkan sebagai permainan budaya yang sudah diamalkan oleh masyarakat untuk satu tempoh tertentu. Namun begitu, permainan ini semakin dipinggirkan terutamanya oleh generasi muda. Oleh itu, Jabatan Kebudayaan dan Kesenian Negara telah menganjurkan Festival Permainan Tradisional pada peringkat kebangsaan agar permainan ini sentiasa terpelihara dan tidak hilang ditelan zaman.

Sumber : Berita Harian

Jelaskan usaha yang terdapat dalam petikan di atas berserta usaha-usaha lain untuk mempopularkan warisan budaya tersebut.

#### **SKEMA JAWAPAN**

**Fokus Soalan :** Usaha-usaha mempopularkan permainan tradisional.

1. Murid menghuraikan usaha daripada stimulus dan menambah usaha-usaha lain – **Layak Cemerlang**
2. Sekiranya murid tidak menyentuh usaha dalam stimulus dan menambah usaha-usaha lain - **Maksimum Kepujian**.
3. Sekiranya murid menghuraikan satu usaha sahaja – **Maksimum Baik**.
4. Sekiranya murid menghuraikan selain daripada usaha mempopularkan permainan tradisional – **Maksimum Penguasaan Minimum**.

#### **Cadangan isi**

- Jabatan Kebudayaan dan Kesenian Negara telah menagnjurkan Festival Permainan Tradisional (**dalam stimulus**)
- Media massa menguar-uarkan permainan tradisional melalui surat khabar, radio, Internet dan televisyen
- Ibu bapa memperkenalkan permainan tradisional kepada anak-anak
- Kerajaan mengadakan Kempen Cintai Permainan Tradisional
- Pihak sekolah menganjurkan kelab permainan tradisional

2. Kementerian Pendidikan (KPM) mencatatkan 6,208 kes buli melibatkan murid hingga Oktober 2024 berbanding 6,528 kes pada tahun sebelumnya. Kesan buli itu sangat besar dan bukan hanya akan menjaskan fizikal malah mungkin merosakkan mental mangsa. Kadangkala, kesan buli terhadap individu membawa kepada impak yang lebih buruk seperti meningkatkan risiko untuk mencederakan atau cubaan membunuh diri. Disebabkan itu, kita semua perlu mengambil tahu dan lebih peduli akan individu yang terdedah dengan buli.

Sumber: Internet

Berdasarkan petikan di atas, bincangkan kesan-kesan gejala sosial berkenaan.

### **SKEMA JAWAPAN**

**Fokus Soalan:** Kesan-kesan buli.

1. Murid menghuraikan kesemua kesan yang terdapat dalam stimulus sebagai isi.
2. Sekiranya murid hanya menghuraikan satu kesan yang terdapat dalam stimulus dan menambah kesan-kesan buli yang lain. – **Maksimum Kepujian**
3. Sekiranya murid menghuraikan kesan tanpa menyentuh kesan yang berada dalam stimulus – **Maksimum Baik**
4. Sekiranya murid menghuraikan selain daripada kesan buli – **Maksimum Penguasaan Minimum**

### **CADANGAN JAWAPAN**

- Menjejaskan fizikal.
- Merosakkan mental mangsa.
- Meningkatkan risiko untuk mencederakan atau cubaan membunuh diri

3. KUALA LUMPUR: Menteri Perpaduan Negara, Datuk Aaron Ago Dagang menyeru agar semua pihak berusaha mengekalkan perpaduan kaum di negara ini. Masyarakat perlu cakna akan tanggungjawab mengekalkannya demi masa hadapan negara. Oleh itu, pelbagai program perpaduan berimpak tinggi telah dijalankan kerana perpaduan kaum dapat meningkatkan keharmonian hidup masyarakat.

Sumber : Astro Awani

Jelaskan kepentingan yang terdapat dalam petikan di atas berserta kepentingan-kepentingan lain untuk mengekalkan nilai tersebut.

### **SKEMA JAWAPAN**

**Fokus Soalan :** Kepentingan-kepentingan mengekalkan perpaduan kaum di negara ini.

1. Murid menghuraikan kepentingan-kepentingan mengekalkan perpaduan kaum di negara ini.
2. Murid menghuraikan kepentingan dalam stimulus dan menambah kepentingan-kepentingan lain - **Layak Cemerlang**.
3. Sekiranya murid tidak menyentuh kepentingan dalam stimulus dan menambah kepentingan-kepentingan lain – **Maksimum Kepujian**
4. Sekiranya murid menulis kepentingan-kepentingan perpaduan kaum tanpa menyatakan di negara ini / Malaysia - **Maksimum Baik**.
5. Sekiranya murid menulis satu kepentingan sahaja - **Maksimum Baik**.
6. Jika murid menulis selain daripada kepentingan mengekalkan perpaduan kaum di negara ini - **Maksimum Penguasaan Minimum**.

### **Cadangan isi**

- dapat meningkatkan keharmonian hidup masyarakat (**dalam stimulus**)
- dapat menggalakkan pembangunan ekonomi
- dapat meningkatkan semangat patriotisme
- dapat menjamin kestabilan politik
- dapat meningkatkan imej negara
- dapat menarik perhatian pelancong asing

4. Dalam suasana alam pekerjaan yang semakin mencabar, lebih 116,000 graduan perlu diberi perhatian oleh pihak kerajaan untuk membuka peluang pekerjaan yang lebih luas. Mereka berdepan saingan sengit sesama sendiri kerana lambakan graduan yang masih menganggur di negara ini. Oleh itu, setiap graduan seharusnya perlu melakukan persiapan dari awal terutamanya dalam aspek akademik.

Sumber : *Berita Harian*

Selain persiapan yang terdapat dalam petikan, bincangkan persiapan-persiapan sebelum golongan berkenaan memasuki alam kerjaya.

## **SKEMA JAWAPAN**

**Fokus soalan:** Persiapan-persiapan sebelum Memasuki Alam Kerjaya

1. Murid menghuraikan persiapan-persiapan sebelum memasuki alam kerjaya selain dalam stimulus – **Layak Cemerlang**
2. Sekiranya murid hanya menghuraikan satu persiapan. - **Maksimum Baik**
3. Sekiranya murid hanya menghuraikan persiapan dalam stimulus tanpa menyatakan persiapan lain – **Maksimum Baik**.
4. Sekiranya murid menghuraikan selain daripada persiapan sebelum memasuki alam kerjaya – **Maksimum Penguasaan Minimum**

## **Cadangan isi**

- Persiapan akademik (**dalam stimulus**)
- Mempersiapkan diri secara mental dan emosi
- Menguasai kemahiran komunikasi
- Membina sikap positif dan proaktif
- Menguruskan kewangan dengan bijak
- menguasai kemahiran penyelesaian masalah
- bersikap toleransi dan rasional